Pembunuhan Kerana Terdesak: Satu Tinjauan Hukum

Siti Zubaidah Ismail

Abstract

In the Islamic law, menslaughter is forbidden and considered unlawful in various situations. However, this rule is not applicable in the cases of self-defence. The following article discusses the extent of the exception.

Prinsip umum dalam Undang-undang Jenayah Islam menetapkan bahawa membunuh tidak diharuskan hatta dalam keadaan mendesak (الضرورة)[1] sekalipun. Adalah menjadi suatu kaedah yang tegas dalam Islam bahawa memusnahkan orang lain tidak harus kerana semata-mata untuk menyelamatkan diri sendiri. [2]

Rasional kepada kaedah ini ialah kerana nyawa orang lain nilainya sama dengan nyawanya sendiri dalam konsep *'Ismah* atau perlindungan undang-undang.[3] Berasaskan konsep tersebut, mengekalkan kelangsungan nyawa sendiri tidak boleh diutamakan daripada mengekalkan hayat orang lain. Jika pembunuhan berlaku, ia tentu sekali dilakukan tanpa hak [4] dan termasuk di bawah larangan Allah sebagaimana yang terkandung dalam firman-Nya:

"ولا تقتلوا النفس التى حرم الله الا بالحق"

Bererti: الإسراء : ٣٣ -

"Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang Allah telah haramkan kecuali dengan hak."

(al-Isra' (17): 33)

Dengan kata lain, keadaan terdesak atau *necessity* ini tidak boleh menjadi dalihan atau alasan untuk membunuh dalam apa cara sekalipun.

Ilustrasi Keadaan Terdesak

Antara keadaan-keadaan mendesak yang tertakluk di bawah kaedah umum ini ialah adanya paksaan *(coercion)*. Seseorang yang dipaksa membunuh dengan ugutan kehilangan nyawa misalnya, tidak boleh menggunakan alasan ancaman itu untuk membunuh, tanpa mengira sama ada ancaman itu sangat kritikal (mulji') atau sebaliknya.[5]

Kaedah yang sama juga terpakai dalam keadaan kebuluran yang mencengkam. Walau bagaimana ekstrim sekalipun kebuluran yang dialami itu, ia tidak boleh menjadi alasan untuk mematikan orang untuk dimakan dagingnya.[6]

Dalam hal ini Ibnu Qudamah menegaskan bahawa: .

"Jika dia mendapati ada seorang manusia bersamanya, dia tidak harus membunuh orang tersebut atau memotong anggota badannya untuk dimakan, samada orang tersebut muslim atau kafir. Perbuatan ini amat tidak wajar dan para ulama telah sepakat mengenai pendapat ini." [7]

Satu ilustrasi yang dapat dijadikan contoh ialah kes kapal hampir tenggelam akibat lebihan muatan. Dalam kes sebegini, mana-mana penumpang tidak boleh dicampak ke dalam laut untuk mengurangkan muatan dan seterusnya mengelak dari karam. Perbuatan mencampak orang ke laut dalam keadaan itu samalah seperti membunuh dalam keadaan biasa.[8] Pendapat ini dipersetujui oleh al-'Izz bin Abdus-Salam di samping menambah bahawa dalam situasi sedemikian, mencampak manusia sama-sekali tidak dibenarkan kerana ia dianggap pembunuhan. Walau bagaimanapun sebagai alternatif, diharus mencampak barang muatan untuk mengurangkan beban kapal yang hampir karam itu.[9]

Pengecualian

Walau bagaimanapun, kaedah umum ini tidak terpakai dalam kes mempertahankan diri (الدفاع الشرعي). Seseorang yang diserang berhak mempertahankan dirinya sampai ke tahap membunuh jika itu sahaja cara yang dapat dilakukan.[10] Namun begitu, ia tetap tertakluk kepada pelbagai syarat. Antaranya:

Pertama : Serangan itu mestilah secara mendadak[11] dan menyebabkan mangsa

berada dalam keadaan terdesak dan kritikal terutama apabila risiko serangan itu ialah kematian atau kecederaan. Sebaliknya jika risikonya lebih ringan, tindakan membunuh itu salah kerana ia tertakluk kepada kaedah:" الضرورة تقدر بقدرها " iaitu " *Keperluan itu perlu dibatasi setakat yang perlu sahaja".*[12] Maka, kalau penyerang menggunakan senjata tajam untuk menetak misalnya, mangsa yang sedar akan kemungkinan nyawanya hilang boleh mengelak serangan itu dengan cara yang difikirkan patut[13] walaupun dia sedar langkah yang diambilnya itu boleh menyebabkan kematian. Sebaliknya, jika serangan itu setakat menggunakan pukulan yang boleh mencederakan sahaja, dia tidak boleh melampaui had dengan bertindak membunuh si penyerang.

Mengenai penceroboh yang memasukki rumah dan cuba membunuh tuannya, Ibnu Qudamah berkata:

> *"Jika tuan rumah tidak berupaya menghalang kecuali dengan membunuh atau dia khuatir untuk memulakan apa jua tindakan (dalam hal ini membunuh) jika penceroboh itu tidak bertindak untuk membunuhnya dahulu, dia boleh menggunakan senjata yang boleh membawa maut atau mencederakannya."* [14]

Kedua : Keadaan kritikal yang dihadapinya, tidak memberi ruang kepada beliau untuk meminta sebarang bantuan dan pihak berkuasa.[15] Kalau dia berpeluang untuk mencari bantuan dari orang lain, wajib dia berbuat demikian. Seandainya dia tidak mahu berbuat demikian, tetapi terus bertindak sendirian, dia dianggap menceroboh (معتد).[16]

Ketiga : Wujudnya pencerobohan ke atas diri. Ertinya serangan itu hendaklah didahului oleh penyerang tanpa mengira samada penyerang itu seorang muslim, orang kafir, gila, sempurna akal, kanak-kanak atau sebagainya.[17] Dalam situasi ini, mangsa berhak menggunakan hak pertahanan diri demi menyelamatkan nyawanya. Ini selari dengan firman Allah:

فمن اعتدى عليكم فاعتدوا عليه بمثل ما اعتدى عليكم

Ertinya: البقرة : ١٩٤ -

> *"Barangsiapa yang melakukan pencerobohan terhadap kamu, maka balaslah pencerobohannya itu seimbang dengan pencerobohan yang dilakukannya kepada kamu."*
>
> *(al-Baqarah (2): 194)*

Sekiranya perbuatan itu bukanlah satu pencerobohan, pertahan an persendirian tidak akan wujud. Contohnya, apabila seorang ayah memukul anaknya dengan tujuan mendidik,[18] anaknya tidak ada hak untuk mempertahankan dirinya. Ini kerana ayah tersebut bertindak menunaikan kewajipan.

Dalihan bagi mempertahankan diri ini terpakai juga dalam kes-kes mempertahankan maruah, keluarga dan harta.[19] Walaupun begitu, ia mestilah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dibincangkan di atas.

Ternyata perbincangan di atas ada dua asas yang mewajarkan pembunuhan dalam keadaan seperti ini:-

(1) Perlindungan undang-undang ke atas diri, maruah dan harta setiap orang dari dicerobohi orang lain seperti yang terdapat dalam hadith Rasul Allah s.'a.w.:[20]

كل المسلم على المسلم حرام دمه وعرضه وماله (رواه الترمذى)

Maksudnya:

Setiap orang Islam haram ke atas orang Islam yang lain; darahnya, maruahnya dan hartanya.

(Diriwayatkan oleh Tarmizi)

(2)Hak mempertahankan diri dari sebarang serangan. Ia terkandung, antara lain dalam sebuah hadith yang ber bunyi:[21]

'من قتل دون نفسه فهو شهيد ومن قتل دون أهله فهو شهيد ومن قتل دون ماله فهو شهيد - رواه احمد

Maksudnya:

"Barangsiapa terbunuh kerana mempertahankan dirinya, dia adalah syahid, barangsiapa terbunuh kerana mempertahankan keluarganya, dia juga syahid dan barangsiapa terbunuh dalam usaha mempertahankan hartanya,maka dia juga mati syahid.

(Hadith Riwayat Ahmad)

Kesimpulan

Adalah jelas dari perbincangan di atas bahawa membunuh itu tetap suatu jenayah walau dalam apa keadaan sekalipun kecuali dalam kes mempertahankan diri. Sungguhpun begitu ia tetap tertakluk kepada beberapa syarat yang menentukan agar perbuatan tersebut tidak dilakukan sewenang-wenangnya. Yang penting ia bergantung kepada bentuk serangan yang dihadapi dan perlu dibalas dengan tindakan yang sepadan.

Nota Rujukan

1. *Al-Darurat* ialah desakan bahaya serta-merta ke atas badan, nyawa, akal, maruah dan keturunan. Lihat: Wahbah al-Zuhaili, *Nazariat al-Darurat al-Syariah* , (cet. ke-3), Beirut: Muassasah al-Risalah, 1982. h. 67.

2. Ibnu Qudamah, *al-Mughni*, (Jilid ke-11), Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, 1972. h. 79.

3. *Ibid.*

4. Antara contoh membunuh secara hak ialah perlaksanaan hukuman qisas terhadap pembunuh,

hukuman bunuh ke atas saksi palsu dalam kes zina atau pembunuhan, hukuman ke atas orang murtad dll. Sila lihat; Muhammad Abu Zuhrah, *al-Jarimah Wa al-Uqubah Fi al-Fiqh al-Islami* , Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi. 1966 h. 192.

5. Abdul Karim Zaidan' *Halat al-Darurat al-Syariah* , Beirut: Muassasah al-Risalah. 1988. h. 44.

6. *Ibid.*, h. 48.

7. Ibnu Qudamah, *op.cit.* , lihat juga AbdulKarim Zajdan, Ibid ., h. 50.

8. *Ibid.* , h. 49.

9. Al-'Izz bin AbdusSalam dalam *Qawaid al-Ahkam* sebagaimana yang dinukilkan oleh AbdulKarim Zaidan, *Ibid.*

10. *Ibid.* h. 50.

11. Yusof Ali Mahmood Hassan, *al-Arkan al-'Adiah Wa al-Syari'iyah Li Jarimat al-Qatli al-'Amdi Wa Ajziatuha al-Muqarrarah Fi al-Fiqh al-Islami* , (Jilid 1), Amman Dar al-Fikri. 1982. h. 147.

12. Ahmad Muhammad Zarqa, *Syarh al-Qawaid al-Fiqhiyah*, (Cet. ke-2), Damsyik: Dar al-Qalam , 1989. h. 187.

13. Ahmad Fathi Bahnasi, *al-Mas'uliyyah al-Jina'iyyah Fi al-Fiqh al-Islamiyyah*, Kaherah: Dar al-Qalam: 1961. h. 164.

14. Ibnu Qudamah, *al-Mughni*, (Jilid ke-8), Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi. h. 330. Lihat juga Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, h. 50.

15. Abdul Karim Zaidan, *op.cit.* , h. 51.

16. Yusof Ali Mahmood Hassan, *op.cit.* , h. 147.

17. *Ibid.* , h. 146.

18. *Ibid.*

19. Yusof Qasim, *Nazariyat al-Difa' al-Syar'ie* , Kaherah: Dar al-Nahdah al-Arabiyah. 1985. h. 69.

20. Jalaluddin al-Suyuti, *al-Jami' al-Saghir*, jld. 2, Beirut: Dar al-Fikr, 1981, h. 276.

21. *Ibid* , h. 631.